

BENCANA BANJIR

SERIAN: FAKTA DAN ANGKA



LATAR BELAKANG

- Terdapat dua versi asal nama Serian. Versi pertama dari spesies ular bernama 'Seriang'. Versi kedua dari nama Sungai Rian. Lama-kelamaan, sebutan Sungai Rian berubah menjadi Serian. (Chang, 2004) Daerah Serian adalah merupakan salah sebuah daerah yang diletakkan dalam pentadbiran Bahagian Samarahan sejak tahun 1987. Sebelum itu, Serian yang dulunya dikenali dengan "*Upper Sadong*" adalah dibawah bidang kuasa Bahagian Pertama iaitu Kuching. Daerah Serian mempunyai keluasan seluas 1,762.4 kilometer persegi merangkumi daerah kecil Tebedu yang merupakan pintu masuk bagi sempadan Kalimantan Barat Indonesia.
- Majlis Daerah Serian terletak 65 kilometer dari Bandar Raya Kuching, Sarawak, dan mentadbir kawasan seluas 2,405 kilometer persegi. Kawasannya juga termasuk Bandar Mutiara Tebedu. Majlis Daerah Serian ditubuhkan pada tahun 1948 di bawah Seksyen 3 "*The Upper Sadong District Council*" dan dikenali sebagai "*The Serian District Council*" pada tahun 1985.
- Serian telah diisytiharkan sebagai Bahagian ke-12 dalam Negeri Sarawak pada tahun 2015. Bandar Serian merupakan kawasan yang strategik dan dilalui oleh laluan menuju ke bahagian-bahagian lain di Sarawak.

Sumber: 1. <https://www.facebook.com/legacy/notes/417704181621774/>
2. https://seriandc.sarawak.gov.my/web/subpage/webpage_view/74



MENGIMBAS BANJIR BESAR DI SERIAN, SARAWAK



Sumber:
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/02/126636/mangsa-banjir-sarawak-meningkat-3734>

BANJIR TAHUN 2016

Lapan pusat pemindahan dibuka di daerah Kuching, dan lapan di daerah Bau, manakala di bahagian Serian lima dibuka di daerah Serian dan satu di daerah Padawan. Dalam satu kenyataan di sini, beliau berkata tiga lagi pusat pemindahan di bahagian Samarahan terdiri daripada Masjid Darul Ibadah, Dewan Serbaguna Balai Bomba Siburan, dan Sekolah Kebangsaan Endap.




Sumber:
<https://www.tvsarawak.my/2023/03/18/bilik-gerakan-info-bencana-diaktifkan-ekoran-banjir-kilat-di-sarawak/>

BANJIR TAHUN 2023


Khidmat Malaysia Pusat mengaktifkan Pusat Operasi atau Bilik Gerakan Info Bencana (BGIB) Pusat bagi memantau dan menguruskan bantuan banjir ekoran hujan lebat melanda beberapa daerah di Sarawak sejak tengah malam semalam. Terdahulu, perkongsian warga Kuching di media sosial menyaksikan beberapa kawasan di sekitar Kuching, Serian dan Samarahan terjejas akibat air mula naik ke jalan-jalan utama di sini.



HIDROGRAF STESEN



Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Krusen, Serian telah meningkat kepada paras bahaya pada 28 Januari 2025 sehingga 29 Januari 2025.










Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Serian, Serian telah meningkat kepada paras bahaya pada 29 Januari 2025.

Sumber: <https://publicinfobanjir.water.gov.my/aras-air/data-paras-air/?state=SRK>



RAMALAN CUACA

TARIKH	CUACA	RAMALAN
03/02/2025 Isnin	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Hujan di beberapa tempat Petang: Ribut petir di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 33°C
04/02/2025 Selasa	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 24°C Maks: 33°C
05/02/2025 Rabu	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 24°C Maks: 33°C
06/02/2025 Khamis	 Hujan di kebanyakan tempat	Pagi: Hujan di beberapa tempat Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di kebanyakan tempat Min: 24°C Maks: 33°C
07/02/2025 Jumaat	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 33°C
08/02/2025 Sabtu	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 33°C
09/02/2025 Ahad	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 33°C

Sumber: <https://www.met.gov.my/forecast/weather/district/Ds505/>




BANJIR 2025

➤ Sejumlah 20 PPS beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di daerah Serian sehingga 3 Februari 2025 adalah seperti berikut:

PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT DAERAH DAN HOTSPOT PPS



Bilangan Mangsa di PPS



Senarai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

DAERAH SERIAN
SEKOLAH
• S.K TANAH MERAH
• S.K PENGKALAN SORAK
• S.K TEBAKANG
• S.J.K CHUNG HUA BATU 29
MASJID
• MASJID DARUL HAFSAH KAMPUNG LINTANG BARU
KUIL
• KUIL TAI PAK KUNG SERIAN
BALAI RAYA
• BALAI RAYA KAMPUNG BETONG KANOWIT
STADIUM
• STADIUM TERTUTUP SERIAN

DEWAN
• DEWAN SRI HIKMAH KAMPUNG ENEBANG JAYA
• DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG ENEBANG PADANG BILON
• DEWAN S.K TANAH PUTIH
• DEWAN S.K ABANG KADIR GEDONG
• DEWAN SEBAGUNA RANCHAN
• DEWAN MASYARAKAT SERIAN
• DEWAN SALCRA KEDUP 2
• DEWAN PUSAT PEMINDAHAN BANJIR KAMPUNG TEBAKANG BIDAYUH
• DEWAN MASYARAKAT KAMPUNG LINTANG BARU
• DEWAN BARU KAMPUNG RIMBA PADI
• DEWAN KAMPUNG MELAYU BALAI RINGIN
• DEWAN KAMPUNG SLABI ENTUKUH



Sumber: <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/seramai-9-314-penduduk-terjejas-banjir-masih-berlindung-di-41-pps>



Sumber: <https://www.tvsarawak.my/2025/01/30/banjir-serian-1264-mangsa-dipindahkan-ke-17-pps/>

Sumber: <https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/landing/index.php?a=13&b=0>



IMPAK BANJIR

Banjir jejas 226 jalan di seluruh Sarawak

Januari 31, 2025, Jumaat - 6:10pm



Uggah melawat mangsa banjir yang ditempatkan di PPS Dewan Masyarakat Serian. - Gambar Galileo Petingi

SERIAN: Bencana banjir yang melanda Sarawak ketika ini telah menjejaskan sebanyak 226 jalan raya di seluruh negeri, kata Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Daripada jumlah itu kata Uggah, sebanyak 148 jalan terputus akibat banjir, 75 mengalami hakisan dan tiga mengalami kerosakan pembetulan.

"Kita telah arahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak untuk berjaga-jaga sepenuhnya dan mengambil tindakan segera untuk membaiki pulih jalan terjejas akibat banjir mahupun hakisan.

"Kita faham dalam situasi sekarang ini adalah sangat mencabar untuk JKR membaiki pulih jalan yang terjejas tetapi nampaknya mereka berjaya mengharunginya, contohnya di bahagian Kapit mereka berjaya baik pulih jalan yang rosak dalam masa enam jam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Dewan Masyarakat Serian di sini hari ini mengenai perkembangan situasi banjir di seluruh Sarawak.

Mengenai situasi banjir di Sarawak, Uggah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) berkata sebanyak 57 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka di seluruh Sarawak dengan seramai 2,765 ketua isi rumah (KIR) melibatkan seramai 9,564 mangsa.

Bahagian Serian katanya, merekodkan PPS terbanyak iaitu 19 PPS dengan 667 KIR dan 2,066 mangsa diikuti Samarahan dengan 11 PPS, 286 KIR dan 795 mangsa.

Di Bintulu katanya, sebanyak sembilan PPS dibuka melibatkan 1,267 KIR dengan jumlah mangsa seramai 4,605 orang manakala di Miri, sebanyak lapan PPS dibuka (2 PPS tanah runtuh) melibatkan seramai 121 KIR dan jumlah mangsa seramai 398.

Sumber: <https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/31/banjir-jejas-226-jalan-di-seluruh-sarawak>

4 lokasi Lebuhraya Pan Borneo terjejas banjir



JALAN di sekeny Pujut dinaiki air. FOTO Facebook: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dalam kenyataan hari ini memaklumkan, semua lokasi terabit masih boleh dilalui kenderaan, namun pemandu perlu berhati-hati ketika melalui kawasan yang dinaiki air.

"Tiada kerosakan dilaporkan dan pemantauan secara rapi terus dilakukan oleh pihak JKR Sarawak dan pihak berkuasa berkaitan," kata kenyataan itu.

JKR Sarawak turut meminta bantuan orang ramai untuk segera melaporkan jika terdapat jalan yang terputus atau terjejas akibat banjir, supaya menghubungi pihaknya melalui platform media sosial seperti Facebook, TikTok atau melalui aplikasi WhatsApp di talian 011-7017 1777.

"Pihak JKR Sarawak juga akan memaklumkan kepada orang awam sekiranya terdapat jalan terputus atau terjejas akibat banjir melalui 'Notis Pemberitahuan' di platform media sosial yang sama," katanya.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan hujan lebat berterusan berlaku di seluruh negeri ini, hari ini.

Lapan bahagian iaitu Kuching, Serian, Samarahan, Sarikei (Meradong), Sibul (Sibu dan Selangau), Mukah, Bintulu (Tatau dan Bintulu) dan Miri (Subis) kini dalam kategori merah iaitu amaran bahaya dengan hujan sangat lebat berterusan dijangka berlaku.

Enam bahagian pula berada dalam amaran kategori jingga apabila diramal hujan lebat berterusan dijangka berlaku iaitu Sri Aman, Betong, Sarikei (Pakan, Sarikei dan Julau), Sibul (Kanowit), Kapit (Song dan Kapit), Bintulu (Sebauh) dan Miri (Beluru, Miri dan Marudi).

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1182285/4-lokasi-lebuhraya-pan-berne-terjejas-banjir>

Kerajaan Sarawak masih dalam proses kumpul data jumlah kerosakan akibat banjir

Utusan Sarawak 3 days ago



SERIAN: Kerajaan Sarawak masih dalam proses mengumpul data untuk menilai jumlah kerosakan akibat banjir yang melanda beberapa kawasan di negeri ini, dengan laporan penuh dijangka siap pada esok.

Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, pihaknya telah mengarahkan semua Pejabat Residen untuk menyerahkan laporan berkaitan kerosakan, termasuk kemudahan awam dan harta persendirian, bagi menentukan tahap kerosakan sebenar.

"Setakat ini, kami belum mempunyai anggaran jumlah kerosakan.

"Kami akan mengumpul data menjelang esok dan semua Pejabat Residen telah diarahkan untuk melaporkan kerosakan, sama ada menjejaskan kemudahan awam atau swasta, supaya kita boleh menentukan tahap penuh kesannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita di Dewan Serbaguna Ranchan di sini, hari ini.

Tambah Uggah, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan dana untuk bantuan banjir, manakala kerajaan Sarawak juga telah meningkatkan peruntukannya sebanyak RM10 juta sebagai persediaan untuk membantu lebih ramai mangsa yang terjejas.

Sumber: <https://utusanarawak.com.my/kerajaan-sarawak-masih-dalam-proses-kumpul-data-jumlah-kerosakan-akibat-banjir/>



Uncategorized

31/01/2025 — Jiwa Bakti

JKR Sarawak diminta pulihkan segera jalan terputus akibat banjir

SERIAN: Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak diminta agar berjaga-jaga serta pantas memulihkan jalan-jalan terputus akibat banjir demi keselamatan penduduk.

Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas memberitahu, sebanyak 148 jalan raya di seluruh Sarawak terkesan ekoran banjir besar yang melanda wilayah ini sejak lima hari lalu.

Daripada jumlah tersebut katanya, sebanyak 75 jalan raya mengalami hakisan, tiga mengalami kerosakan pembetulan serta empat kerosakan di Lebuh raya Pan Borneo (LPB) termasuk yang berlaku di Ranchan di sini.

"Kita memohon agar pegawai JKR dapat menentukan jalan-jalan terputus untuk dipulihkan secepat mungkin," tegasnya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Tanah Merah dan PPS Dewan Masyarakat Serian di sini, hari ini.

Uggah turut memuji tindakan pantas JKR Sarawak yang berjaya memulihkan Jalan Temalat di Sibu dalam tempoh enam jam sahaja, sekali gus membolehkan laluan itu digunakan semula.

Sumber: <https://jiwabakti.com.my/?p=5856>


6



20 Oktober

2016 - 2030

DEMOGRAFI PENDUDUK



Sumber : 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Serian
 2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2024
 3. Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian 2024
 4. Perangkaan Penting Malaysia, 2021 & 2024

STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, SERIAN



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

	PURATA (RM)	PENENGAH (RM)
JUMLAH	4,988	4,074

RUMAH IBADAT



25 MASJID



15 TOKONG



0 KUIL



181 GEREJA

KESIHATAN

1 HOSPITAL
KERAJAAN



10 KLINIK
KERAJAAN

GUNA TENAGA



5.1% KADAR PENGANGGURAN
66.7% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

KESELAMATAN



1 IPD
3 BALAI POLIS



1 BALAI BOMBA

PENDIDIKAN

79 SEKOLAH
RENDAH



6 SEKOLAH
MENENGAH

PAKW, 2023

Bandar
RM 4,214



Luar Bandar
RM 3,575

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Sarawak, 2023

KDNK, 2020

(RM Juta)



RM 933.0

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran, Serian, Sarawak, 2015-2020



BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, SERIAN



Sumber: *Malaysia Statistical Business Register (MSBR), 2024*



LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2024

NILAI KERUGIAN BANJIR KESELURUHAN

2023
RM755.4 juta

2024
?

NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT NEGERI

	2023	2024
JOHOR	RM275.0 juta	?
KELANTAN	RM139.7 juta	?
TERENGGANU	RM77.7 juta	?

NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH

	2023	2024
BATU PAHAT	RM104.8 juta	?
SEGAMAT	RM54.6 juta	?
PASIR MAS	RM26.8 juta	?

NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN

	2023	2024
TEMPAT KEDIAMAN	RM168.3 juta	?
KENDERAAN	RM22.3 juta	?
PREMIS PERNIAGAAN	RM53.2 juta	?
PEMBUATAN	RM10.3 juta	?
PERTANIAN	RM120.6 juta	?
ASET AWAM & INFRASTRUKTUR	RM380.7 juta	?

**10 MAC
2025**

2024

LAPORAN KHAS
IMPAK BANJIR DI
MALAYSIA


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia




20 Oktober

2016 - 2030

PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK



OpenDOSM




Kawasanku



MyLocal Stats



SDG




MyDemography



MyAgeing Dashboard



MyPAKW



Portal Bencana NADMA

